



KENYATAAN MEDIA
YB DATUK SERI PANGLIMA MADIUS TANGAU
MENTERI SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI

21 APRIL 2016

LIMA KAWASAN MENCATATKAN SUHU MAKSIMUM

Sehingga jam 4.00 petang hari ini suhu maksimum melebihi 37°C telah direkodkan di lima (5) Stesen Meteorologi Utama iaitu sepertimana berikut:

- 1) Batu Embun-38.1°C
- 2) Chuping-37.7°C
- 3) Alor Setar-37.2°C.
- 4) Kuala Krai - 37.2°C.
- 5) Temerloh - 37.2°C.

Bilangan titik panas yang dicerap di Semenanjung terus meningkat dari 13 kepada 31 titik panas. Kebanyakan titik panas yang dikesan terletak di pedalaman Kelantan dan tengah Pahang. Di Sabah pula masih kekal kepada 2 titik panas dan tiada titik panas dikesan di Sarawak.

Manakala bilangan hari tanpa hujan tertinggi sehingga 20 April 2016 ialah di Kota Bharu dan Machang, masing-masing tidak menerima hujan selama 18 hari berturut-turut.

Pada masa yang sama hujan telah dikesan di kawasan Empangan Timah Tasoh, Gemencheh dan Sepri hasil daripada Operasi Pembenihan Awan (OPA) pada hari ini.

Walaupun bagaimanapun tiada hujan di kawasan-kawasan sasaran seperti berikut:

1. Empangan Ahning, Pedu, Muda dan Beris, Kedah
2. Empangan Teluk Bahang dan Air Itam, Pulau Pinang.
3. Empangan Bukit Merah, Perak
4. Empangan Durian Tunggal, Melaka

YB Datuk Seri Panglima Madius Tangau
Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi

Unit Komunikasi Korporat
Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi
Telefon : 03-8885 8822 / 013-38164284 / 012-9075372
Emel : ukk.mosti@1govuc.gov.my

